

KEMAMPUAN PELAJAR SENI LUKIS DAN SENI REKA GRAFIK
DALAM PENGGUNAAN 'TOOLS', BAR MENU DAN TETINGKAP PALET
DALAM PERISIAN PHOTOSHOP
(KAJIAN KES: PELAJAR UiTM MELAKA)

MOHAMMAD ASZIM BIN MOHD RASID

99117468

IJAZAH SARJANA MUDA SENI LUKIS DAN SENI REKA (GRAFIK)

FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA (GRAFIK)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAMPUS ALOR GAJAH, MELAKA

TAHUN 2003

KEMAMPUAN PELAJAR SENI LUKIS DAN SENI REKA GRAFIK DALAM
PENGUNAAN 'TOOLS', BAR MENU DAN TETINGKAP PALET DALAM
PERISIAN PHOTOSHOP

(KAJIAN KES: PELAJAR UiTM MELAKA)

MOHAMMAD ASZIM BIN MOHD RASID

99117468

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka,
Universiti Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis Dan Seni Reka (Grafik)

1. Diperiksa oleh Tarikh
2. Diperiksa oleh Tarikh
3. Diperiksa oleh Tarikh

DEKAN FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

40450 SHAH ALAM

SELANGOR DARUL EHSAN

TAHUN 2003

SINOPSIS

Tujuan dan matlamat : Kajian ini bertujuan adalah untuk mengolah serta meneliti apakah keboleha seseorang pelajar Senireka dan Senilukis (Grafik) dalam menggunakan perisian photoshop. Penulis juga mengkaji tentang tujuan, asas, cara penggunaan dan apa yang pelajar-pelajar Seni Lukis Dan Seni Reka (Grafik) dapat hasilkan melalui penggunaan perisian Photoshop.

Kepentingan : Penyelidikan ini mempunyai kepentingannya iaitu dapat melihat sejauh mana pencapaian pelajar dalam penguasaan perisian Photoshop. Di samping itu, ianya dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai masalah dan juga cabaran yang perlu dilalui dalam mempelajari perisian tersebut. Ianya juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dalam membantu pengkaji-pengkaji baru yang ingin membuat tajuk yang hampir sama dengan penulis atau mengkaji perisian photoshop samada kepada golongan pelajar khususnya kepada pelajar-pelajar Senireka dan Senilukis (Grafik), golongan pensyarah, setiap pereka grafik, syarikat pengiklanan sehinggalah kepada golongan yang professional. Secara tidak langsung, ianya akan dapat membuka minda masyarakat khususnya pereka grafik agar menjadi lebih kreatif dan berinovatif.

Kaedah dan metodologi : Dalam kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan, penulis telah menggunakan 2 kaedah dan prosedur dalam proses pengumpulan maklumat iaitu melalui kaedah soal selidik dan pemerhatian. Kaedah pertama yang dijalankan dalam penyelidikan ini ialah melalui soalan soal selidik yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar Senireka dan Senilukis (Grafik) yang

sememangnya menggunakan perisian photoshop ini dalam pembelajaran mereka. Kaedah kedua pula ialah melalui kaedah pemerhatian. Dengan menggunakan cara ini kajian yang dijalankan akan menjadi lebih kukuh dan berdasar.

Rumusan : Di akhir kajian ini, penulis dapat mengupas bahawa pelajar–pelajar Senireka dan Senilukis (Grafik) mampu menguasai perisian Photoshop jika mereka berusaha dengan gigih untuk mempelajarinya. Penulis juga telah mengolah serta meneliti apakah penekanan yang dilakukan oleh seseorang pelajar Senilukis dan Senireka (Grafik) dalam penggunaan perisian photoshop seperti asas–asas, tujuan mempelajari Photoshop, apa yang dapat dihasilkan melalui penggunaan perisian Photoshop, cara–cara penggunaan ‘tools’ dan juga kesan–kesan khas yang biasanya dan sering kali dihasilkan melalui Photoshop. Sekiranya pelajar–pelajar Senireka dan Senilukis (Grafik) dapat menguasai dan mendalami perisian Photoshop, maka secara tidak langsung mereka akan menjadi pereka–pereka grafik dan multimedia yang lebih cekap dalam dunia grafik pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Seterusnya, penghargaan ini telah ditujukan kepada penasihat iaitu Puan Ida Hartini yang telah banyak mencurahkan ilmu, menyokong dan mendidik tanpa mengira masa dan juga tenaga dari awal penghasilan sehinggalah tesis yang ini berjaya dihasilkan.

Tidak dilupakan juga kepada pihak pengurusan Program Seni Reka Grafik, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Kampus Melaka terutamanya kepada ketua kursus iaitu Puan Azian Mohd Zain, pensyarah pengajian liberal Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (Grafik) UiTM Kampus Melaka iaitu IaituEn. Wahab Muhammad serta pensyarah-pensyarah Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (Grafik) UiTM yang terlalu banyak mencurahkan ilmu dan pengetahuan sepanjang saya menuntut di sini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua ibu bapa dan keluarga yang tersayang yang sememangnya memahami, berkat doa dan restu kalian, maka hati ini sentiasa tenang dan terang untuk terus melangkah dan berjuang sehingga ke akhir hayat, InsyaAllah. Tanpa sokongan serta bantuan dari anda semua, tesis ini tidak mungkin terhasil sepertimana yang ada sekarang. Tidak terungkap dengan kata-kata, hanya jutaan terima kasih yang mampu diberikan.

Mohammad Aszim Bin Mohd Rasid

99117468